



PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 1987

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

GARIS PANDUAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PENYESUAIAN BUKU VOT

Tujuan

1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk:

- (a) mengeluarkan garis panduan mengenai cara-cara penyelenggaraan dan penyesuaian buku vot; dan
- (b) menerangkan mengenai peranan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal dan Pegawai Penyelia Kewangan di Kementerian/Jabatan berhubung dengan penyelenggaraan dan penyesuaian buku vot.

Matlamat Garispanduan

2. Matlamat utama garispanduan ini ialah untuk:

- (a) menyeragam cara-cara penyelenggaraan buku-buku vot dan penyesuaian perbelanjaan di antara rekod-rekod pemegang-pemegang Waran Peruntukan dengan rekod-rekod Akauntan Negara atau wakilnya;
- (b) memberi gambaran yang lebih jelas dan lengkap mengenai proses pengisian buku-buku vot dan penyediaan penyata-penyata penyesuaian; dan
- (c) mempertingkatkan mutu kerja pegawai/kakitangan kewangan dalam menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan buku-buku vot dan penyediaan laporan-laporan kewangan.

Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Pengawal

3. Pegawai-pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan wang yang telah diperuntukkan kepada mereka. Tanggungjawab ini antara lain merangkumi

tugas-tugas penyelenggaraan buku-buku vot dan rekod-rekod perakaunan secara cekap dan berkesan seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 95.

4. Bagi tujuan tersebut Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya:

(a) Semua pusat tanggungjawab dan pusat kos di bawah Kementerian/Jabatan yang menerima peruntukan atau peruntukan kecil dari Pegawai Pengawal menyelenggara buku vot yang sempurna untuk merekod peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan;

(b) Buku-buku vot diselenggarakan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dalam manual;

(c) Semua unit dan pemegang peruntukan kecil di Kementerian/Jabatan menyerahkan penyata perbelanjaan bulanan masing-masing kepada pusat kawalan untuk tujuan mengemaskini rekod-rekod yang ada di pusat-pusat kawalan serta membolehkan Pegawai-pegawai Pengawal menyedia dan menyampaikan laporan-laporan bulanan mengenai perbelanjaan mengurus dan pembangunan seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1986;

(d) Laporan-laporan bulanan yang diterima dari pegawai yang bertanggungjawab ke atas Bahagian Kewangan di Kementerian/Jabatan mengandungi perkara-perkara berikut:

* Kedudukan pengesahan perbelanjaan bulanan dengan laporan terperinci perbelanjaan bulanan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara atau wakilnya;

* Penyata penyesuaian yang telah disediakan (salinannya dikembarkan bersama) dan langkah-langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan sebarang perbezaan catatan yang didapati di antara buku vot dan laporan terperinci perbelanjaan bulanan yang tidak dapat dijelaskan; dan

* Kegagalan pemegang waran peruntukan atau pemegang waran peruntukan kecil mengemukakan penyata bulanan seperti yang dinyatakan di perenggan kecil (c).

(e) Pemeriksaan mengejut misalnya oleh audit dalaman dijalankan ke atas semua buku vot bagi memastikan buku-buku vot disimpan dengan sempurna dan kemaskini; dan

(f) Penyata kewangan yang disediakan oleh Akauntan Negara pada akhir tahun menggambarkan perbelanjaan yang dicatatkan dalam buku vot Kementerian/Jabatan setelah penyesuaian yang perlu dijalankan.

Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Penyelia Kewangan

5. Bagi memastikan buku-buku vot diselenggara dengan sempurna, sistematik dan kemaskini oleh kakitangan kewangan di setiap pejabat, pegawai penyelia kewangan hendaklah menentukan bahawa:

(a) Kerani-kerani kewangan yang ditugaskan menyimpan buku vot mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk menyelenggarakan buku vot;

(b) Pemeriksaan dijalankan dari semasa ke semasa ke atas buku-buku untuk memastikan bahawa buku-buku vot adalah kemaskini pada setiap masa;

(c) Baucar hanya boleh ditandatangani oleh pegawai yang diberikuasa selepas disemak baki peruntukan yang ada dalam buku vot. Pegawai yang menandatangani baucar hendaklah memastikan bahawa baki peruntukan adalah mencukupi untuk melakukan pembayaran tersebut dan butir-butir mengenai pembayaran direkod ke dalam buku vot. Pegawai penyelia sendiri atau mana-mana pegawai yang ditugaskan oleh beliau, menurut mana yang berkenaan hendaklah juga menurunkan tandatangan ringkas setiap kali catatan dibuat di dalam buku vot;

(d) Semua penyata perbelanjaan bulanan diterima dengan segera daripada pemegang peruntukan kecil dan disatukan ke dalam buku vot utama di pusat-pusat kawalan;

(e) Laporan terperinci perbelanjaan bulanan yang diterima dari Akauntan Negara atau wakilnya tidak terus disahkan tanpa terlebih dahulu disemak dan dilakukan penyesuaian dengan buku vot;

(f) Semua catatan pelarasan telah sewajarnya dibuat ke dalam buku vot bagi tujuan penyesuaian;

(g) Kerani-kerani Kewangan memaklumkan pegawai penyelia sekiranya mereka menghadapi keraguan untuk menerima sebarang catatan di dalam laporan terperinci perbelanjaan bulanan;

(h) Semua laporan terperinci perbelanjaan bulanan yang diterima daripada Akauntan Negara atau wakilnya disahkan atau disesuaikan dengan buku vot dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penerimaan laporan-laporan yang berkenaan;

(i) Penyata penyesuaian yang disediakan oleh kakitangan kewangan diperiksa oleh pegawai penyelia sebelum dihantar kepada Akauntan Negara atau wakilnya;

(j) Penyata-penyata penyesuaian atau sijil-sijil pengesahan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Kewangan/Pegawai Penyelia tetapi tidak boleh ditandatangani oleh mana-mana kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja pembayaran atau penyelenggaraan buku-buku vot; dan

(k) Laporan-laporan perbelanjaan seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1986 disediakan berdasarkan kepada angka yang terdapat di dalam buku-buku vot.

Tarikh Kuatkuasa

6. Garispanduan ini berkuatkuasa mulai 1hb. Oktober, 1987.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Haji Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil)
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan,
Malaysia.

31/07/87

s.k. Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.